

## Kepentingan Pembangunan Akhlak Dalam Menuntut Ilmu Syarak

Oleh:

Prof Madya Dr Faisal Ahmad Shah (UM)<sup>1</sup>

### Pendahuluan

Ilmu yang Allah berikan kepada manusia adalah satu kurniaan yang tidak terhingga besarnya. Allah mengurniakan ilmu kepada sesiapa yang dikehendaki dan menahannya daripada sesiapa yang dikehendaki. Manusia yang mula-mula dikurniakan ilmu pengetahuan ialah nabi Adam AS sebagaimana firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 31

وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَائِكَةِ فَقَالَ أَنْبِئُونِي بِأَسْمَاءِ هَؤُلَاءِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ (٣١)

Maksudnya: Dan Dia mengajarkan kepada Adam nama-nama (benda-benda) seluruhnya, kemudian mengemukakannya kepada para Malaikat lalu berfirman: "Sebutkanlah kepada-Ku nama benda-benda itu jika kamu mamang benar orang-orang yang benar!"

Ilmu pengetahuan kemudiannya diwarisi oleh para nabi kemudian diwarisi oleh para ulama. Nabi SAW bersabda: sesungguhnya para ulama adalah pewaris para nabi. Sesungguhnya para nabi tidak mewariskan dinar dan tidak juga dirham tetapi mewariskan ilmu.<sup>2</sup>

Justeru kerana tingginya kedudukan ilmu sebagai satu kurniaan daripada Allah, maka setiap daripada umat Islam hendaklah mengetahui dan memenuhi hak-hak kurniaan tersebut. Hak kurniaan yang dimaksudkan ialah takut kepada Allah dan bertakwa kepadaNya. Firman Allah SWT dalam surah Fatir ayat 28.

إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ

Maksudnya: Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-hambaNya hanyalah orang-orang yang berilmu.

Nabi SAW merupakan manusia yang paling takut dan paling bertakwa berbanding dengan makhluk-makhluk yang lain. Nabi SAW bersabda: sesungguhnya aku yang paling takut di kalangan kamu dan paling mengenali Allah.<sup>3</sup>

Berdasarkan ayat al-Quran dan hadith yang dikemukakan di atas jelas membuktikan kolerasi yang kuat antara ilmu dan perasaan takut. Manusia yang paling takut kepada Allah ialah yang paling mengenali Allah, sifat-sifatNya kekuasaanNya, azabnya, balasan dan hukumannya. Abdullah bin Masúd berkata: Cukupilah takut kepada Allah dengan ilmu dan sombong kepada Allah dengan kejahilan.<sup>4</sup> Perkataan Ibn Masúd ini mengisyaratkan bahawa dengan ilmu seseorang sepatutnya takut kepada Allah manakala jahil pula menjadikan seseorang itu sombong.

<sup>1</sup> Merupakan Prof Madya di Jabatan al-Quran & al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

<sup>2</sup> Abu Daud al-Sijistani. *Sunan Abu Daud*. Kitab al-Ilmi, Bab fi Fadl al-Ilmi no hadith 3641

<sup>3</sup> Al-Bukhari. *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Iman Bab Qawl al-Nabiy Ana A'lamukum billah no 20

<sup>4</sup> Ibn al-Mubarak. *al-Zuhd* j.1 hlm 15 no 46. Ibn Abu Syaibah, *Musannaf*. J.7 hlm 104 no 34532

al-Rabi' bin Anas menafikan sifat alim (berilmu) kepada seseorang yang tidak takut kepada Allah. Beliau menegaskan: sesiapa yang tidak takut kepada Allah bukanlah merupakan seorang yang alim.<sup>5</sup> Setiap kali seorang muslim bertambah ilmunya maka bertambahlah *taqarrubnya* dan takutnya kepada Allah SWT seterusnya meningkatkan rasa syukur kepadaNya.

Persoalannya apakah ilmu yang menjadikan seseorang itu sentiasa takut kepada Allah? Jawapannya ialah ilmu yang bermanfaat. Ilmu yang bermanfaat ialah ilmu yang membawa seseorang takut kepada Allah, sentiasa tawaduk, berakhlak dengan akhlak keimanan, menjauhi dunia, bersikap zuhud terhadapnya, mendahului akhirat dan sifat –sifat mulia yang lain

Justeru dalam artikel ini penulis akan cuba membincangkan akhlak dan adab yang perlu wujud dalam diri setiap penuntut ilmu syarak bagi menghasilkan sifat takwa kepada Allah SWT.

### **Perhatian Ulama Kepada Akhlak Dalam Menuntut Ilmu Syarak**

Isu berkaitan akhlak dan adab bagi penuntut ilmu telah banyak dibincangkan oleh para ulama terdahulu. Banyak karya penulisan ulama terdahulu dan masa kini yang menekankan mengenai akhlak dan adab dalam menuntut ilmu syarak. Malah terdapat karya–karya penulisan berkaitan adab dan akhlak yang memfokuskan kepada disiplin pengajian Islam tertentu seperti adab dan akhlak dalam menuntut ilmu hadith dan sebagainya. Antara karya-karya yang pernah dihasilkan berkaitan akhlak dalam menuntut ilmu ialah seperti berikut:

1. *Jami' Bayan al-'Ilmi wa Fadlihi* oleh Ibn 'Abd al-Bar
2. *Adab Talib al-'Ilmi* oleh Muhammad Sa'id bin Ruslan
3. *Tazkirah al-Sami' wa al-Mutakallim fi Adab al-'Alim wa al-Muta'allim* oleh Ibn Jamaah
4. *Al-Jami' li Akhlaq al-Rawi wa Adab al-Sami'* oleh al-Khatib al-Baghdadi
5. *Hilyah Talib al-'Ilmi* oleh Bakar Abu Zayd
6. *Minhaj wa Adab al-sahabah fi al-Ta'allum wa al-Ta'lim* oleh Dr Abd al-Rahman al-Bar
7. *Akhlaq al-Ulama* oleh al-Ajuri

Antara akhlak dan adab penuntut ilmu yang sering ditekankan oleh para ulama dalam karya-karya mereka adalah seperti berikut:

1. Ikhlas kerana Allah Taala
2. Berakhlak dengan akhlak yang mulia
3. Sentiasa bersama dengan guru yang *mutqin*
4. Menghormati guru dan beradab dengannya
5. Sentiasa berwuduk dalam majlis ilmu
6. Mendahulukan yang lebih penting berbanding yang penting
7. Mengulangkaji ilmu
8. Mencari ilmu dengan rehlah imiyyah
9. Berusaha untuk beramal dengan ilmu yang dikurniakan
10. Memberi perhatian kepada masa dan menggunakannya dengan sebaiknya
11. Adab-adab dalam berinteraksi dengan kitab-kitab turath
12. Nasihat menasihati dan berkongsi faedah

---

<sup>5</sup> Ibn al-Jawzi . *Zad al-Masir* hlm 486

### 13. *Tadarruj* dalam menuntut ilmu

Manakala sifat-sifat buruk yang perlu dijauhi oleh penuntut ilmu ialah:

1. Berdusta
2. Mengaku berilmu dan hebat
3. Tidak menjaga lidah
4. Bertujuan mencari populariti
5. Sombong dan meninggi diri
6. Gopoh dan terburu-buru
7. Tidak amanah dalam ilmu

Tidak amanah dalam ilmu merupakan satu aspek yang sering diabaikan oleh penuntut ilmu termasuklah para ilmuwan. Kita biasa mendengar kalangan ilmuwan yang menukikan sesuatu fakta tanpa dinyatakan sumber pengambilannya, atau menyandarkan fakta tersebut kepada dirinya sendiri, fakta-fakta yang dinukilkan secara salah, dinukilkan secara terpisah, tidak amanah dalam penyampaian ilmu, tidak amanah dalam penulisan ilmu, tidak amanah dalam *tahqiq* dan bermacam lagi perkara yang melibatkan kurangnya amanah ilmiah. Justeru artikel ini akan cuba memfokuskan kepentingan amanah ilmiah sebagai salah satu akhlak yang wajib dimiliki oleh setiap penuntut ilmu syarak seterusnya melahirkan insan yang bertakwa kepada Allah SWT dan layak digelar sebagai ilmuwan.

#### Definisi Amanah Ilmiah

Amanah ialah *masdar* bagi perkataan *amina ya'manu* yang bermaksud aman, tenteram dan selamat yang merangkumi ketaatan, ibadah, perjanjian, kepimpinan, perniagaan, keimanan dan lain-lainnya<sup>6</sup>. Melaksanakan amanah ertinya aman dan tenteramlah individu yang diberikan kepercayaan tersebut. Nabi s.a.w. sendiri dipertanggungjawabkan dengan nilai amanah yang besar dari Allah s.w.t. untuk membawa umat Islam pada waktu itu ke arah kebenaran dan menjauhi kebatilan dan penipuan. Ini bermakna nilai amanah itu telah merentas zaman berzaman hinggalah ke hari ini. Sucinya amanah itu hanya dapat dibuktikan melalui perlakuan tingkahlaku, tidak cukup hanya dengan kata-kata sahaja. Amanah wajib dijaga, dipelihara dan dilaksanakan. Para ulama menyebutkan bahawa menjaga dan memelihara amanah mendatangkan kebahagiaan dunia dan akhirat manakala khianat mendatangkan kecelakaan di dunia dan akhirat. Justeru amanah merupakan prinsip dan asas penting dalam kehidupan muslim berdasarkan kedudukannya di sisi syarak, pada adat dan budaya manusia, dan kehidupan mereka seharian. Firman Allah dalam surah al-Qasas ayat 26

قَالَتْ إِحْدَاهُمَا يَا أَبَتِ اسْتَأْجِرْهُ <sup>ص</sup> إِنَّ خَيْرَ مَن اسْتَأْجَرْتَ الْقَوِيُّ الْأَمِينُ (٢٦)

Maksudnya: Salah seorang di antara perempuan yang berdua itu berkata: "Wahai ayah, ambillah dia menjadi orang upahan (mengembala kambing kita), sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah".

Firman Allah dalam surah al-Anfal ayat 27

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمَانَاتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ (٢٧)

<sup>6</sup> Ibnu Manzur, *Lisan al- Arab*, (Dar al- Maarif, Cairo, Jilid 1), 141

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan RasulNya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya).

Setiap penuntut ilmu harus menghiasi dirinya dengan amanah ilmiyyah. Nabi SAW bersabda: Ilmu ini ditanggung dari setiap generasi orang-orang yang adil.<sup>7</sup> Antara keperluan adil ialah memiliki amanah ilmiyyah kerana tiada keadilan bersama khianat, dusta, tipudaya dan mencuri.

### **Amanah Ilmiah Pada Zaman Nabi, Generasi Sahabat dan Tabiin**

Nabi SAW telah menunjukkan contoh tauladan yang baik dalam mengaplikasikan amanah ilmiah. Ia kemudiannya diikuti dan dicontohi oleh para sahabatnya seterusnya generasi tabiin. Pernah nabi SAW menjawab soalan sahabatnya dengan lafaz “aku tidak tahu”. Jubayr bin Mut’im RA meriwayatkan seorang lelaki telah datang kepada nabi SAW lalu bertanya : Wahai Rasulullah tempat mana yang buruk? Nabi menjawab aku tidak tahu . Ketika Jibril datang kepada nabi, nabi bertanya: Wahai Jibril, tempat mana yang buruk? Jibril menjawab: Aku tidak tahu sehingga aku bertanya tuhanku azza wa jalla. Kemudian Jibril bergerak. Setelah beberapa lama kemudian Jibril datang lalu berkata: Wahai Muhammad tuan bertanyakan ku tentang tempat mana yang buruk? Aku menjawab “aku tidak tahu” dan aku bertanya tuhanku azza wa jalla tempat mana yang buruk? Allah menjawab pasar-pasarnya.<sup>8</sup>

Bukan ini sahaja, nabi juga pernah ditanya tentang ahli al-kahfi, ditanya tentang hari kiamat, ditanya tentang ruh, ditanya tentang Zul al-Qarnayn, nabi tidak menjawabnya sehingga turun kepadanya wahyu denagn jawapan.<sup>9</sup>

Para sahabat juga mencontohi nabi SAW dalam hal ini. Para sahabat terkenal sebagai generasi yang memiliki sifat amanah ilmiah sehingga mereka tidak akan meriwayatkan hadith nabi melainkan telah dipastikan kebenaran dan kesahihannya terlebih dahulu. Mereka juga tidak akan bercakap dalam perkara yang mereka tidak mempunyai pengetahuan mengenainya. Ibn Mas’ud pernah menunjukkan kemarahannya apabila seorang lelaki menceritakan peristiwa-peristiwa hari kiamat sedangkan dia tidak mempunyai ilmu tentangnya. Beliau berkata: Wahai manusia sesiapa yang mengetahui sesuatu maka ucapkanlah dan sesiapa yang tidak mengetahui sesuatu maka ucapkanlah Allah yang lebih mengetahui. Sesungguhnya dianggap suatu ilmu seorang lelaki mengucapkan apa yang dia tidak tahu dengan perkataan “aku tidak tahu”.<sup>10</sup> Sesungguhnya Allah jalla wa ‘ala berkata kepada nabinya dalam surah Sad ayat 86

قُلْ مَا أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِ مِنْ أَجْرٍ وَمَا أَنَا مِنَ الْمُتَكَلِّفِينَ

Katakanlah (hai Muhammad): "Aku tidak meminta upah sedikitpun padamu atas dakwahku dan bukanlah aku termasuk orang-orang yang mengada-adakan.

<sup>7</sup> Al-Tabrizi. *Mishkat al-Masabih*. Kitab al-Ilmi al-Fasl al-Awwal j.1 hlm 53

<sup>8</sup> Ahmad bin Hanbal. *Musnad Imam Ahmad bin Hanbal*. no hadith 16790, al-Hakim. *Mustadrak al-Hakim*. no hadith 2148. Al-Hakim menghukumkan hadith ini sebagai sahih. Abu Ya’la. *Musnad Abu Ya’la*. no hadith 7403. Husayn Salim Asad berkata: sanadnya hasan

<sup>9</sup> Al-Bukhari. *Sahih al-Bukhari*. Kitab al-Ilmi, Bab العلم من الإقلال. Muslim. *Sahih Muslim*. Kitab Sifat al-Munafiqin. Bab Sual al-Yahud al-Nabiy an al-Ruh no hadith 2794

<sup>10</sup> Al-Bukhari. *Sahih al-Bukhari*. Kitab al-Tafsir . Bab غلبت الروم في أدنى الأرض no hadith 4496. Ibn Hibban. *Sahih Ibn Hibban* no hadith 6585.

Al-Khatib al-Baghdadi menyebutkan dalam Tarikhnya daripada Ibn Umar RA berkata: Ilmu itu ada tiga : Kitab yang berkata, Sunnah yang terdahulu dan lafaz “aku tidak mengetahuinya”<sup>11</sup>

Malah menjadi amalan sahabat apabila ditanya oleh nabi SAW mereka akan menjawab Allah dan rasulNya lebih mengetahui. Hadith riwayat Abu Hurairah RA berkata: Rasulullah SAW bersabda: adakah kamu ketahui apakah itu ghibah? Mereka menjawab: Allah dan rasulnya lebih mengetahui. Nabi bersabda: menceritakan tentang saudara engkau apa yang dia tidak suka. Dikatakan apa pandangan tuan jika benar apa yang aku ceritakan tentang saudaraku? Nabi bersabda: jika benar apa yang engkau ceritakan tentangnya sesungguhnya engkau telah mengumpatnya. Jika tidak benar maka engkau telah memfitnahnya.<sup>12</sup>

Ibn al-Qayyim berkata: para salaf daripada kalangan sahabat dan tabiin membenci bergopoh dalam fatwa. Setiap seorang daripada mereka ingin saudaranya yang lain untuk menjawabnya jika dikemukakan kepadanya soalan. Jika salah seorang daripada mereka telah diminta untuk menjawabnya dia akan berusaha menjawabnya berlandaskan al-Quran dan al-sunnah atau perkataan Khulafa’ al-Rasyidin kemudian barulah berfatwa.<sup>13</sup>

Abd al-Rahman bin Abu Layla berkata: Aku sempat dengan 120 orang Ansar daripada sahabat-sahabat Rasulullah. Tiada seorang pun apabila ditanya melainkan berharap saudaranya akan menjawabnya. Dia tidak akan mengucapkan sesuatu melainkan berharap saudaranya telah memadai.<sup>14</sup>

Daripada al-Haytyam bin Jamil berkata: Aku menyaksikan Malik ditanya tentang 48 masalah. Beliau menjawab pada 32 daripadanya “aku tidak tahu”.<sup>15</sup>

Daripada Imam Malik juga bahawa sesungguhnya beliau ditanya tentang 50 masalah lalu beliau tidak menjawab satu pun daripadanya. Beliau berkata: sesiapa yang menjawab dalam satu masalah maka hendaklah sebelum dia menjawabnya dia meletakkan dirinya di hadapan syurga dan neraka dan apakah pengakhirannya kemudian barulah dia jawab.<sup>16</sup> Ditanya tentang satu masalah lalu beliau menjawab aku tidak tahu. Dikatakan: ia merupakan satu masalah yang kecil dan ringan lalu beliau marah dan berkata: tiada pada ilmu suatu yang ringan.<sup>17</sup>

## **Pembahagian Amanah Ilmiah**

Penulis membahagikan amanah ilmiah kepada 3 kategori seperti berikut:

1. Amanah dalam menuntut ilmu

---

<sup>11</sup> Al-Khatib al-Baghdadi . *Tarikh Baghdad*. J.4 hlm 23

<sup>12</sup> Muslim. *Sahih Muslim*. Kitab al-Bir wa al-Silah wa al-Adab. Bab Tahrim al-Ghibah . no hadith 2589. Ibn Hibban. *Sahih Ibn Hibban*. no hadith 5758

<sup>13</sup> Ibn al-Qayyim . *I’lam al-Muwaqqiin* j.1 hlm 33

<sup>14</sup> Ibn al-Qayyim . *I’lam al-Muwaqqiin* j.1 hlm 34

<sup>15</sup> Al-Qadi Iyad . *Tartib al-Madarik* j.1 hlm 144

<sup>16</sup> Al-Shahrastuwi . *Adab al-Mufti wa al-Mustafti* hlm 79-80. Al-Qasimi . *al-Fatwa fi al-Islam* hlm 45.

<sup>17</sup> Al-Nawawi . *Adab al-Fatwa wa al-Mufti wa al-Mustafti* . Muqaddimah al-Kitab.

2. Amanah dalam menukilkan ilmu
3. Amanah dalam menyampaikan ilmu

## 1. AMANAH DALAM MENUNTUT ILMU

Amanah dalam menuntut ilmu seringkali diabaikan oleh penuntut ilmu. Terdapat pelbagai cara dan kaedah dalam memperolehi ilmu apatah lagi pada masa kini dengan perkembangan pesat ICT. Yang penting ilmu syarak yang dipelajari itu adalah ilmu yang benar, bertepatan dengan prinsip al-Quran dan al-sunnah dan jelas sumber rujukannya.

Syeikh Bakr Abu Zayd pernah menyebutkan bahawa wajib atas setiap penuntut ilmu memiliki sifat amanah paling tinggi dalam menuntut ilmu, ketika menanggung ilmu, ketika beramal dengan ilmu dan ketika menyampaikan ilmu. Kejayaan sesuatu umat dilihat pada betul amalannya, betul amalannya dilihat pada kesahihan ilmunya, kesahihan ilmunya menunjukkan pembawanya daripada kalangan yang beramanah dengan apa yang diriwayatkan atau disifatkan. Sesiapa yang bercakap dalam ilmu tanpa amanah maka sesungguhnya dia telah menodai ilmu dengan nanah, dan meletakkan batu penghalang pada usaha kejayaan umat.<sup>18</sup>

Antara amanah yang berkait dalam menuntut ilmu adalah seperti berikut:

### a) Amanah Dalam Memilih Guru

Wajib ke atas penuntut ilmu untuk bersikap amanah dalam mencari dan menuntut ilmu. Justeru para ulama menegaskan tentang kepentingan memilih guru yang berkeelayakan yang memenuhi kedudukannya sebagai pewaris nabi. Muhammad bin Sirin, Imam Malik dan selainnya menyatakan sesungguhnya ilmu ini agama maka lihatlah dengan siapa kamu ambil agama kamu

إِنَّ هَذَا الْعِلْمَ دِينٌ فَانظُرُوا عَمَّنْ تَأْخُذُونَ دِينَكُمْ

Hadith-hadith nabi banyak menyebutkan mengenai bahaya mengambil ilmu daripada orang yang tidak layak antaranya seperti berikut:

### i) Larangan Mengambil Ilmu daripada orang yang tidak layak

Daripada Abu Umayyah al-Jumahi bahawa Rasulullah SAW bersabda: sesungguhnya antara tanda hari kiamat ialah 3 salah satunya mengambil ilmu di sisi *al-Asaghir*<sup>19</sup>

Abdullah bin al-Mubarak apabila ditanya tentang *al-Asaghir*, beliau menjawab: mereka yang berkata dengan akal mereka.<sup>20</sup>

Abdullah bin al-Mubarak ditanya tentang tafsiran hadith ini lalu beliau berkata; sentiasalah manusia berada dalam kebaikan selagi mengambil ilmu dari *al-Akabar*. Jika mereka ambil daripada *al-Asaghair* mereka akan binasa. Yang dimaksudkan dengan *al-asaghair* ialah *ahli bida'*.

Ibrahim al-Harbi berkata: Maknanya bahawa *al-Saghir* jika mengambil perkataan Rasulullah, sahabat dan tabiin maka dia adalah *kabir*. Manakala syeikh *kabir* jika berpegang dengan

<sup>18</sup> Bakar Abu Zayd. *Hilyah Talib al-Ilmi* syarah Ibn al-Uthaymin hlm 149

<sup>19</sup> Abd Allah bin al-Mubarak. *Kitab al-Zuhd* hlm 21. Ibn Ábd al-Bar. *Jami' Bayan al-Ilmi wa fadlihi* j.1 hlm 495

<sup>20</sup> Abd Allah bin al-Mubarak. *ibid.* hlm 31

pendapat fulan daripada kalangan ahli *ra'yi* meninggalkan sunan maka dia adalah *saghir*.<sup>21</sup> Menurut setengah pendapat *al-Asaghair* ialah golongan yang menyeleweng dan menyesatkan, jahil dan mengikut hawa nafsu. Ibn Abd al-Bar berkata dalam *Jami' Bayan al'ilmu wa fadlihi*: setengah ulama berkata sesungguhnya *al-saghir* yg disebutkan dalam hadith ialah orang yang diminta fatwa dan tiada ilmu padanya.<sup>22</sup> Orang yang jahil dianggap *saghir* walaupun seorang tua manakala seorang alim adalah *kabir* walupun dia masih muda

Setengah ulama berpendapat suatu ilmu jika bukan daripada sahabat, tiada asalnya daripada Quran, sunnah dan ijmak maka ia adalah ilmu yang membinasakan tuannya.

Nabi SAW sendiri pernah mengingatkan umatnya mengenai kemunculan golongan yang menyampaikan ilmu yang tidak pernah dikenali oleh generasi terdahulu. Ini direkodkan dalam hadith riwayat Abu Hurairah RA daripada Rasulullah SAW bersabda: akan berlaku kepada akhir umatku orang-orang menceritakan kepada kamu apa yang kamu tidak pernah dengar, tidak juga pernah didengar oleh bapa kamu maka hatilah-hatilah daripada mereka.<sup>23</sup>

Golongan yang dimaksudkan oleh nabi ialah golongan pendusta sebagaimana ditegaskan dalam hadith riwayat Amir bin Saad berkata: Aku bertanya Jabir bin Samurah tentang hadith Rasulullah SAW bersabda: sentiasa agama akan berdiri sehingga 12 khalifah daripada Quraisy kemudian keluar pendusta-pendusta sebelum hari kiamat<sup>24</sup>

Kemunculan golongan pendusta agama telah berlaku pada masa kini namun malangnya masyarakat awam tetap mempercayai kata-kata mereka. Perkara ini ditegaskan melalui hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA berkata. Rasulullah SAW bersabda: akan datang kepada manusia tahun-tahun *khadda'at*, pendusta dibenarkan, orang yang bercakap benar didustakan orang, khianat diberi amanah, orang amanah dikhianati, *al-Ruwaibidah* bercakap. Dikatakan siapakah Ruwaibidah? Rasulullah bersabda: lelaki *al-tafih* dalam urusan manusia umum<sup>25</sup>.

*Al-Ruwaibidah* ialah golongan yang tidak mempunyai ilmu dan tidak juga fiqh. Mereka memimpin majlis, bercakap dengan lisan para ulama sedangkan pada hakikatnya mereka tidak mempunyai ilmu dan tidak juga fiqh.

*Al-Ruwaibidah* ialah pemuda yang masih muda umurnya, mempunyai sedikit ilmu, tidak bertalaqqi dengan guru dan berfatwa tanpa menyelidikinya terlebih dahulu

## ii) Keperluan membezakan antara ilmuwan yang berwibawa dan tidak berwibawa

<sup>21</sup> Hibat Allah bin al-Hasan al-Lalaka'i. *Sharh Usul I'tiqad Ahl al-Sunnah* j.1 hlm 85

<sup>22</sup> Ibn 'Abd al-Bar *Jami' Bayan al-'Ilmi wa fadlih*. J.1 hlm 617

<sup>23</sup> Muslim . *Muqaddimah Sahih Muslim* .Bab al-Nahyi an al-Riwayat an al-Du'afa' wa al-Ihtiyat fi tahammuliha hlm 9

<sup>24</sup> Ahmad bin Hanbal. *Musnad Ahmad bin Hanbal*. J. 34, hlm 401

<sup>25</sup> Ibn Majah. *Sunan Ibn Majah*. Kitab al-Fitan. Bab Shiddah al-Zaman hlm 583, no hadith 4036

Para ulama juga menekankan mengenai keperluan mengambil ilmu daripada ilmuwan yang menguasai ilmunya berbanding ilmuwan yang tidak menguasai ilmunya. Hakikatnya terdapat perbezaan yang ketara antara seorang yang alim dengan al-da'i (pendakwah), antara seorang yang alim dan *motivator*. Dewasa ini kita melihat program-program realiti TV, melahirkan ramai para da'i segera yang tidak menguasai ilmu pengajian Islam. Kepetahan dan kelancaran berpidato, gaya penyampaian yang menarik dan memukau belum lagi memenuhi syarat sebagai seorang alim yang berwibawa. Namun masyarakat pada hari ini menjadikan mereka sebagai ikon tanpa melihat kebenaran dan kesahihan apa yang mereka sampaikan.

### iii) Membezakan ilmuwan mengikut bidang pengkhususan

Para ulama turut menegaskan mengenai keperluan membezakan ilmuwan mengikut bidang pengkhususan masing-masing. Zaman kini menyaksikan ulamanya mempunyai bidang pengkhususan dan kemahiran yang terhad berbanding ulama terdahulu. Jika dahulu, ulamanya menguasai pelbagai disiplin ilmu seperti Imam al-Nawawi, Imam al-Suyuti yang mempunyai karya penulisan dalam hampir kebanyakan disiplin ilmu Islam. Berbanding pada hari ini seseorang ulama dikenali berdasarkan kepakarannya dan kemahirannya yang tertentu. Justeru pengenalpastian pengkhususan dan kepakaran seseorang ulama itu sangat penting bagi melihat kelayakan seseorang itu sebagai rujukan atau tidak. Seseorang ilmuwan itu perlu diletakkan pada kedudukan yang sesuai mengikut kepakarannya.

Rasulullah SAW sendiri mengambilkira kemahiran dan kemampuan para sahabatnya. Sahabat yang dilihat terkehadapan dalam strategi dan tipudaya peperangan akan dilantik sebagai panglima perang walaupun mereka bukan di kalangan yang sangat rapat dengan Rasulullah SAW seperti Abu Bakar dan Umar. Sama lah juga di kalangan penuntut ilmu yang berbeza dari sudut kefahaman, kekuatan hafazannya dan *dabitya*. Hadith riwayat Zaid bin Thabit katanya: Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: Allah memuliakan seseorang, yang mendengar daripada kami hadith lalu dia menghafaznya, sehingga dia menyampaikannya kepada orang lain kemungkinan orang yang membawa fiqh menyampaikannya kepada orang yang lebih faham daripadanya, kemungkinan orang yang membawa fiqh tidak faqih<sup>26</sup>

Hadith ini mengisyaratkan perbezaan antara orang yang mendengar majlis ilmu kemudian menyampaikan kepada orang lain dengan orang yang disampaikan ilmu tersebut. Kemungkinan orang yang disampaikan ilmu tersebut lebih faham daripada orang yang menyampaikannya.

Imam Syafie pernah menzahirkan kerisauannya mengenai orang yang tidak layak untuk bercakap mengenai ilmu tetapi tetap bercakap dengan katanya: sesungguhnya telah berkata berkaitan ilmu sesiapa yang jika dia berhenti dari mengucapkan setengah apa yang diucapkan maka berhentinya dia itu lebih baik baginya dan lebih dekat dengan kesejahteraan insyallah.

Justeru dalam dunia pengajian Islam kita tidak pernah melihat fatwa tentang halal dan haram oleh Jahiz kerana ia tidak termasuk dalam bidang kepakarannya, kita tidak pernah melihat kitab tafsir karangan Yahya bin Ma'in yang merupakan Imam dalam *al-Jarh wa al-Ta'dil*, kita juga tidak pernah melihat kitab berkaitan bahasa Arab oleh Amir Mukminin dalam hadith Ibn Hajar al-'Asqalani dan seumpamanya.

<sup>26</sup> Ahmad bin Hanbal. *Musnad Imam Ahmad*. No hadith 4157. Al-Tirmizi. Jami' al-Tirmizi no hadith 2657.



### **b) Mendahulukan al-Quran & al-Sunnah**

Penuntut ilmu seharusnya mendahulukan al-Quran dan Sunnah dalam apa sahaja perbincangan yang berkaitan dengan ilmu –ilmu Islam. Ini adalah kerana kedua-duanya adalah sumber yang utama yang wajib diutamakan. Berpada dengan kitab –kitab fiqh mazhab, beramal di dalamnya secara mutlak dan tidak merujuk melainkan apa yang disebutkan oleh fulan dan fulan daripada pengarang kitab-kitab mazhab merupakan suatu kesilapan. Yang tepatnya ialah menggabungkan antara al-Quran dan sunnah yang sahih dan amalan salaf yang bertepatan dengan kandungan al-Quran dan al-sunnah. Para sahabat dan tabi'in sentiasa berhukum kepada kitab Allah dan Sunnah Rasulullah tetapi tidak bermaksud meninggalkan kata-kata ulama dan mengabaikannya.

### **c) Mendahulukan yang lebih penting berbanding yang penting**

Para penuntut ilmu syarak dalam peringkat awal pengajiannya hendaklah menggunakan tenaga, masa dan kesihatan yang dikurniakan Allah untuk mempelajari apa yang lebih utama daripada pelbagai disiplin dan ilmu dalam pengajian Islam bagi mendapat faedah yang lebih besar. Sebagai contoh para ulama hadith menggesa pelajar mereka untuk menyibukkan diri dengan perkara penting berbanding yang tidak penting dalam periwayatan hadith dan mendengar hadith. Antaranya perkataan Abdul Rahman al-Mahdi: (198H) Tidak menjadi seorang imam dalam ilmu, sesiapa yang mengambil perkara *syaz* daripada ilmu atau meriwayatkan daripada setiap orang atau meriwayatkan setiap apa yang dia dengar<sup>27</sup>Kata beliau lagi tidak harus bagi seseorang lelaki menyibukkan dirinya menulis hadith-hadith lemah. Sekurang-kurangnya dia akan kehilangan hadith perawi perawi thiqah dengan kadar apa yang dia tulis daripada hadith-hadith perawi lemah

Imam Ahmad berkata: (241H) ketika mengulas orang yang meninggalkan perkara utama dan menyibukkan diri dengan perkara tidak penting. Beliau berkata: mereka meninggalkan hadith dan menyibukkan diri dengan *al-gharaib*. Menjadi sedikit kefahaman mereka kerana meninggalkan hadith yang mahsyur dan mengalihkan usaha mereka kepada *gharib* dan *syaz*.

### **d) Menjauhi daripada mendalami khilafiyat dan menyibukkan diri dengan syubuhah**

Tidak harus penuntut ilmu menyibukkan diri dalam peringkat awal pengajiannya dengan *syubuhah-syubuhah* (kekeliruan) melainkan ilmunya telah mantap dan kuat. Ini adalah kerana ditakuti *syubuhah-syubuhah* (kekeliruan) tersebut mempengaruhinya sedangkan dia tidak mempunyai asas yang kuat.

### **e) Kewajipan Mencari Dalil Mengikut Kemampuan.**

Para penuntut ilmu juga tidak harus bertaklid melainkan darurat seperti dia mencari jawapan kepada suatu persoalan agama tetapi tidak menemui natijahnya atau ketika dia memerlukan jawapan segera. Jika ulama berselisih dalam suatu pendapat setengah ulama berpendapat hendaklah dia memilih yang paling mudah berdasarkan firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 185.

---

<sup>27</sup> Muhammad bin ‘Abd al-Rahman al-Maghrawi. 1996. *Fath al-Bar fi tartib al-Fiqhi li Tamhid Ibn ‘Abd al-Bar*. Riyad.hlm 70

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمْ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمْ الْعُسْرَ

Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran.

Aishah RA juga pernah menceritakan : Tidaklah diberi pilihan kepada Rasulullah SAW antara dua perkara melainkan Rasulullah akan mengambil yang paling mudah selagi tidak membawa kepada dosa.<sup>28</sup>

Setengah ulama berpandangan bahawa diambil pendapat yang lebih keras kerana lebih *ahwat* kerana selainnya mengandungi syubhat. Nabi SAW bersabda: sesiapa yang menjauhi syubhat maka sesungguhnya terselamat dia dari celaan terhadap agamanya dan kehormatannya.

Pendapat yang paling tepat ialah memilih pendapat yang pada sangkaannya lebih hampir kepada kebenaran kerana keyakinannya terhadap ulama tersebut yang lebih alim dan lebih warak. Penuntut ilmu hendaklah bertanya ulama yang dia yakini agamanya dan ilmunya. Manakala ulama yang dikenali dengan sikap bermudah-mudah dan tidak mengikuti Sunnah maka tidak harus bertanyakan kepadanya dan tidak harus juga beramal dengan apa yang difatwakannya.

Tidak harus bagi penuntut ilmu jika telah meminta fatwa daripada seseorang alim yang dipercayai kemudian meminta fatwa daripada orang lain kerana ia boleh membawa kepada *tala'ub* (bermain) dengan agama Allah, mencari-cari keringanan dan kelonggaran. Ini berlaku apabila penuntut ilmu merasakan fatwa daripada ulama yang pertama tidak sesuai dengannya lalu dia bertanya ulama lain untuk kali kedua seterusnya ulama ketiga. Para ulama menyebutkan sesiapa yang mencari-cari kelonggaran menjadi fasiq.

## 2. AMANAH DALAM MENUKILKAN ILMU

Amanah dalam menukilkan maklumat iaitu dengan menyandarkan faedah kepada orang yang mengemukakan faedah tersebut, menyandarkan perkataan kepada penuturnya atau rujukan asalnya, menyandarkan ilmu kepada ilmuwannya. Para ulama terdahulu menganggap usaha ini sebagai bukti keberkatan ilmu dan salah satu sebab mencapai manfaat ilmu.

Ibn 'Abd al-Bar dalam kitabnya *Jami' Bayan al-'Ilmi wa Fadlihi* menegaskan antara keberkatan ilmu ialah anda menisbahkan sesuatu kepada penuturnya.<sup>29</sup> al-Sakhawi dalam *al-Jawahir wa al-Durar* berkata: sahih daripada Sufyan al-Thawri bahawa beliau berkata yang bermaksud: menisbahkan faedah kepada orang yang mengemukakan faedah tersebut merupakan daripada ketelitian dalam ilmu dan gambaran terima kasih kepadanya. Dan mendinginkan diri daripada menyebutkannya termasuk di bawah berdusta dan tidak berterimakasih kepadanya dalam ilmu.<sup>30</sup>

Imam al-Nawawi dalam *Bustan al-'Arifin* menjelaskan, daripada nasihat ialah dinisbahkan faedah yang dikagumi kepada penuturnya. Sesiapa yang melakukan demikian diberkati baginya pada ilmunya dan keadaannya.<sup>31</sup>

<sup>28</sup> Abu Daud. *Sunan Abu Daud*. Kitab al-Adab. Bab fi al-Tajawuz fi al-Amri. No hadith 4785

<sup>29</sup> Ibn 'Abd al-Bar . *Jami' Bayan al-'Ilmi wa Fadlihi* j.2 hlm 89

<sup>30</sup> Al-Sakhawi . *al-Jawahir wa al-Durar*. J.1 hlm 120

<sup>31</sup> Al-Nawawi. *Bustan al-'Arifin* hlm 28

Dalam menolak dan mengkritik pandangan golongan yang menyalahi mereka, para ulama tetap menjaga amanah ilmiyyah. Para ulama akan menyebutkan pendapat mereka yang menyalahi dengan nas dan lafaznya tanpa dikurangi dan ditambah selain menyandarkan kepada rujukannya dengan telit. Kemudian para ulama akan menjelaskan kesalahan dan kesilapan pandangan tersebut dengan dalil-dalil yang sahih dan jelas tanpa melampau-lampau dan tidak mengemukakan pandangan yang tidak logik diterima akal.<sup>32</sup>

### 3. AMANAH DALAM MENYAMPAIKAN ILMU

Syarat penting bagi penuntut ilmu syarak sebagaimana dijelaskan berulang kali ialah niat yang ikhlas kerana Allah. Justeru penuntut ilmu hendaklah membuang daripada hatinya cita-cita untuk menjadi terkenal atau glamour dalam penyampaian ilmunya. Setengah penuntut ilmu mempunyai sikap terburu-buru sehingga ingin mengajar walaupun belum mempunyai kelayakan. Ia umpama memakai pakaian ulama sedangkan dia bukan daripada kalangan mereka. Setengah ulama menyatakan sesiapa yang merasakan dia layak untuk menyampaikan ilmu maka hendaklah dia meminta nasihat daripada para ulama. Imam Malik bin Anas (179H) pernah menyebutkan: bukanlah setiap orang yang suka duduk di masjid untuk menyampaikan ilmu dan berfatwa duduk sehingga dia meminta nasihat dan pendapat ahli al-solah dan al-fadl dan *al-jihat*. Jika mereka melihat kelayakan engkau maka duduklah. Aku tidak duduk sehingga 70 orang guru daripada kalangan ulama menjadi saksi kelayakannku

#### a) Amanah Dalam Berinteraksi Dengan Perkara Khilaf

Para penuntut ilmu juga tidak seharusnya mengingkari khilaf di kalangan ulama pada masalah fiqh. Tetapi yang harus diingkari ialah mencari-cari pendapat syaz dan yang ditinggalkan. Wajib diingkari juga jika pendapat *syaz* dan yang ditinggalkan ini dijadikan khilaf sebagai jalan untuk mencipta pendapat yang batil dan dinisbahkan kemudiannya kepada agama Allah.

Syeikh Bakar Abu Zayd pernah menyebutkan: Tidak berjaya sesiapa yang menjadikan daripada khilaf ini suatu jalan untuk mencari-cari keringanan mazhab, *khilaf* yang *nadir*, mencari pendapat yang *syaz*, dan membina pendapat-pendapat yang ditinggalkan.<sup>33</sup>

Pendapat yang *syaz* di sisi fuqaha' mempunyai beberapa makna. Antaranya ialah pendapat yang bertentangan dengan pendapat jumbuh atau ramai ulama. Dinisbahkan juga dengan maksud pendapat yang menyalahi ijmak atau bertentangan dengan dalil-dalil syarak yang lain. Dalam *al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah*, *al-syaz* ialah bersendirian daripada yang lain atau keluar daripada Jemaah. *Syaz* pada sisi istilah al-Hanafiyah dan al-Malikiyah ialah apa yang bertentangan dengan pendapat yang mahsyur, atau rajih atau sahih. Dalam erti kata lain ia adalah pendapat yang *marjuh*, atau lemah atau *gharib*.<sup>34</sup> Dari aspek lain pula tidak harus menghukumkan satu pendapat daripada pendapat pendapat ulama yang muktabar dengan *syaz* melainkan daripada ulama yang berkelayakan

#### Aplikasi Amanah Ilmiah di Kalangan Para Ulama

<sup>32</sup> Ibn al-Wazir . *al-'Awasim wa al-Qawasim* j.1 hlm 236

<sup>33</sup> <https://islamqa.info/ar/121235>

<sup>34</sup> <http://fatwa.islamweb.net/fatwa/index.php?page=showfatwa&Option=FatwaId&Id=349918>

## Imam al-Suyuti

Imam al-Suyuti dalam muqaddimah kitabnya “*Uqud al-Zabrajad ‘ala Musnad al-Imam Ahmad*” berkata: Aku mengemukakan kesemua perkataan Abu al-Baqa’ dengan menyandarkan kepadanya untuk diketahui kadar tambahan yang aku lakukan ke atasnya....Aku mengemukakannya dengan teksnya, menyandarkannya kepada penuturnya kerana keberkatan ilmu ialah menyandarkan perkataan-perkataan kepada penuturnya. Ia termasuk dalam melaksanakan amanah dan menjauhi khianat dan menjadi sebab utama mendapat manfaat dengan apa yang dikarang.<sup>35</sup>

al-Suyuti berkata: Justeru engkau tidak akan melihat aku menyebut tentang sesuatu dalam karya-karya penulisanku satu huruf melainkan ia disandarkan kepada orang yang mengucapkannya daripada kalangan ulama dan menjelaskan kitabnya yang menyebutkan perkara tersebut

## al-Syaikh Muhammad Jamal al-Din al-Qasimi

al-Syaikh Muhammad Jamal al-Din al-Qasimi dalam kitabnya *Qawaid al-Tahdith*: Tidak dinafikan bahawa antara perkara yang diberi perhatian penting dalam penghasilan karya ialah menyandarkan faedah-faedah, persoalan-persoalan, dan poin-poin kepada tuannya bagi membebaskan diri daripada ikutan bukan daripada pandangannya dan menjauhi daripada menjadi seperti pemakai pakaian dusta. Justeru anda akan melihat kesemua persoalan dalam kitab ini disandarkan kepada penuturnya dengan huruf-hurufnya. Inilah kaedah kami dalam apa yang kami telah kumpulkan dan akan kumpulkan.<sup>36</sup>

## Punca Hilangnya Amanah Ilmiah

Hilangnya amanah ilmiah di kalangan penuntut ilmu syarak antaranya disebabkan suka membangga diri, menunjuk-nunjuk, mencari pujian, pengaruh dan kedudukan. Al-Khatib al-Baghdadi dalam kitabnya *Iqtida’ al-‘Ilmi al-‘amal Bab Zam Talab al-‘Ilmi lil mubahat bihi wa lil mumarat fih wa nayl al-aghrad wa akhzi al-‘awas ‘alayhi* mengemukakan sanadnya yang bersambung dengan Huzayfah RA katanya: Aku mendengar Rasulullah bersabda: Sesiapa yang menuntut ilmu untuk berbangga sebagai ulama atau berdebat dengan orang bodoh atau mengalihkan pandangan manusia maka baginya daripada ilmunya api neraka<sup>37</sup>

Antara punca hilangnya amanah ilmiah adalah seperti berikut:

### a) Mengejar keduniaan

Mengejar keduniaan merupakan antara sebab hilangnya amanah ilmiah. Hadith yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah RA berkata: Rasulullah SAW bersabda: sesiapa yang mempelajari ilmu yang sepatutnya kerana mencari keredaan Allah, dia tidak mempelajarinya melainkan untuk mendapat bahagian daripada dunia dia tidak akan mencium bau syurga pada hari kiamat.<sup>38</sup>

<sup>35</sup> Al-Suyuti. *‘Uqud al-Zabrajad ‘ala Musnad al-Imam Ahmad* j.1 hlm 11-12

<sup>36</sup> Muhammad Jamal al-Din al-Qasimi . *Qawa’id al-Tahdith* hlm 40

<sup>37</sup> Al-Khatib al-Baghdadi . *Iqtida’ al-‘Ilmi al-‘Amal*

<sup>38</sup> Abu Daud. *Sunan Abu Daud*.Kitab al-‘Ilmi Bab fi Talab al-‘Ilmi li ghayr Allah no 3664

### b) Terpedaya Dengan Hawa Nafsu

*Ahlu rabbaniyyin* bercakap berdasarkan apa yang datang daripada syariat. Manakala orang yang khianat dalam ilmu akan bercakap berdasarkan hawa nafsunya dan mengharapkan keredaan manusia. Firman Allah dalam surah Sad ayat 26

يَا دَاوُودُ إِنَّا جَعَلْنَاكَ خَلِيفَةً فِي الْأَرْضِ فَاحْكُم بَيْنَ النَّاسِ بِالْحَقِّ وَلَا تَتَّبِعِ الْهَوَىٰ فَيُضِلَّكَ عَن سَبِيلِ اللَّهِ

Wahai Daud, sesungguhnya Kami telah menjadikanmu khalifah di bumi, maka jalankanlah hukum di antara manusia dengan (hukum syariat) yang benar (yang diwahyukan kepadamu); dan janganlah engkau menurut hawa nafsu, kerana yang demikian itu akan menyesatkanmu dari jalan Allah.

### c) Tiadanya Manhaj Ilmu yang Sahih dan Betul.<sup>39</sup>

Manhaj ilmu yang sahih dan betul merupakan aspek paling penting yang menjamin kebenaran sesuatu ilmu yang disampaikan. Penyelewengan golongan yang sesat seperti syiah, liberal, antihadith dan lain-lain adalah disebabkan kecelaruan manhaj mereka dalam memahami agama. Firman Allah dalam surah al-Mu'minun ayat 112-113

قَالَ كَمْ لَبِئْتُمْ فِي الْأَرْضِ عَدَدَ سِنِينَ (١١٢) قَالُوا لَبِئْنَا يَوْمًا أَوْ بَعْضَ يَوْمٍ فَاسْأَلِ الْعَادِينَ (١١٣)

Maksudnya: Allah bertanya lagi (kepada mereka yang kafir itu): "Berapa tahun lamanya kamu tinggal di bumi?" Mereka menjawab: "Kami tinggal (di dunia) selama sehari atau sebahagian dari sehari; maka bertanyalah kepada golongan (malaikat) yang menjaga urusan menghitung

### d) Mengampu pemerintah dan pihak penguasa.<sup>40</sup>

Kebanyakan penguasa melainkan yang dipelihara Allah, mereka tidak melantik ulama melainkan yang boleh memenuhi kehendak mereka dan berfatwa mengikut kehendak mereka. Justeru para ulama hendaklah bertakwa pada ilmunya dan apa yang diucapkannya. Ulama hendaklah menjadi seorang yang bijaksana menyeru manusia kepada kebaikan dan kejayaan.

Firman Allah dalam surah al-Kahfi ayat 29

وَقُلِ الْحَقُّ مِن رَّبِّكُمْ ۖ فَمَن شَاءَ فَلْيُؤْمِن وَمَن شَاءَ فَلْيُكْفُرْ ۚ إِنَّا أَعْتَدْنَا لِلظَّالِمِينَ نَارًا أَحَاطَ بِهِمْ سُرَادِقُهَا ۚ وَإِن يَسْتَغِيثُوا يُغَاثُوا بِمَاءٍ كَالْمُهْلِ يَشْوِي الْوُجُوهَ ۚ بِئْسَ الشَّرَابُ وَسَاءَتْ مُرْتَفَقًا (٢٩)

Maksudnya: Dan katakanlah (wahai Muhammad): "Kebenaran itu ialah yang datang dari Tuhan kamu, maka sesiapa yang mahu beriman, hendaklah ia beriman; dan sesiapa yang mahu kufur ingkar, biarlah dia mengingkarinya". Kerana Kami telah menyediakan bagi orang-orang yang

<sup>39</sup> Khadijah Fatimah Sayyid Mumtazal-Din. *Al-Ta'alam Mazahiruhu wa Akhtaruhu fi Daw' al-Sunnah al-nabawiyah*. Selangor: Dar al-Syakir. Hlm 138

<sup>40</sup> Ibid. 142

berlaku zalim itu api neraka, yang meliputi mereka laksana khemah; dan jika mereka meminta pertolongan kerana dahaga, mereka diberi pertolongan dengan air yang seperti tembaga cair yang membakar muka; amatlah buruknya minuman itu, dan amatlah buruknya neraka sebagai tempat bersenang-senang.

## **Bentuk-Bentuk Pengabaian Kepada Amanah Ilmiah Pada Masa Kini**

### **Tidak Menyalin Maklumat Sebagaimana Yang Terdapat Dalam Kitab Asal**

Ustaz Dr Faruq Hmadah telah mengemukakan contoh dalam bukunya *Manhaj al-Bahth fi al-Dirasat al-Islamiyyah* katanya: Imam Taqiy al-Din al-Subki berkata telah sampai keadaan setengah golongan mujassimah pada zaman kita apabila menyalin syarah sahih Muslim karangan syeikh Muhyiddin al-Nawawi lalu dia membuang kalam al-Nawawi berkaitan hadith-hadith sifat. Sesungguhnya al-Nawawi akidahnya ashári. Penyalin tidak mempunyai kekuatan untuk menyalin sebagaimana yang dikarang oleh Imam al-Nawawi. Menurut Dr Faruq Hamadah, perbuatan ini termasuk dosa-dosa besar, ia menyelewengkan syariat ....<sup>41</sup>

### **Tidak Meriwayatkan Ilmu Sebagaimana Yang Terdapat Dalam Riwayat Asal**

Ibn al-Jauzi menyebutkan dalam kitabnya *Talbis Iblis* beberapa kisah golongan pendusta katanya: setengah daripada guru-guru kami meriwayatkan hadith bahawa nabi SAW melarang *al-hilaq* sebelum solat pada hari Jumaat. Mereka pula meriwayatkan dengan dimatikan *lam*. katanya: dia memberitahuku bahawa dia selama 40 tahun tidak mencukur kepalanya sebelum solat. Aku berkata kepadanya: yang sebenarnya ialah *al-hilaq* jamak kepada *halqah*. Nabi tidak suka berkumpul sebelum solat untuk ilmu dan muzakarah, nabi memerintahkan supaya menyibukkan diri dengan solat dan mendengar khutbah, kemudian dia berkata: sesungguhnya engkau telah membebaskan aku dan beliau daripada kalangan orang orang salih.<sup>42</sup>

### **Mereka –reka maklumat yang tiada dalam sesebuah rujukan**

Disebutkan dalam Tarikh juga kisah al-Harawi Shams bin Áta'al-Razi apabila diuji kekuatan hafazannya, antara yang ditanya kepadanya ketika itu ialah adakah terdapat nas bahawa Maghrib diqasarkan ketika musafir? Beliau menjawab: Ya. Telah datang daripada hadith Jabir dalam kitab *al-Firdaws* oleh Abu Layth al-Samarqandi. Setelah mereka (yang menguji) pulang, mereka merujuk kitab Abu al-Layth, mereka tidak menemui fakta tersebut di dalamnya lalu perkara ini ditanyakan kepadanya. Lalu beliau menjawab, kitab al-Samarqandi ada tiga naskah. *Kubra*, *Wusta* dan *Sughra*, hadith ini terdapat dalam *al-Kubra*. *Al-Kubra* tidak sampai ke negeri ini. Lalu mereka merasakan pendustaannya sejak hari itu.<sup>43</sup>

### **Melakukan Plagiat**

<sup>41</sup> Khadijah Fatimah Sayyid Mumtazal-Din. hlm 237. Lihat juga Taj al-Din al-Subki . *Tabaqat al-Syafiyah al-Kubra* j.11 hlm 91

<sup>42</sup> Khadijah Fatimah Sayyid Mumtazal-Din. hlm 238. Lihat juga Ibn al-Jauzi. *Talbis Iblis* hlm 127

<sup>43</sup> Khadijah Fatimah Sayyid Mumtazal-Din. hlm 239. Lihat juga Ibn Hajar . *Inba' al-Ghumur bi Abna' al-'Umur* j.1 hlm 422

Kitab *Tatimmah al-A'lam* oleh Zirkili karangan ustaz Muhammad Khayr Ramadan Yusuf merupakan *takmilah* (pelengkap) bagi kitab *al-A'lam* oleh Khayr al-Din al-Zirkili 1396H yang diberhentikan penulisannya pada tahun 1397H. Sejak dari tahun tersebut ustaz Muhammad Khayr Ramadan menyempurnakan tarikh-tarikh wafat tahun tersebut iaitu dari tahun 1397H sehingga 1415H. Cetakan pertama dicetak pada tahun 1418H oleh Dar Ibn Hazam Beirut dalam dua jilid dan diakhirnya ada *mustadrak* (tambahan) manakala cetakan kedua pada tahun 1422H dan diakhirnya *mustadrak* yang lain. Seorang penulis zaman kini telah mencuri kitab ini iaitu pengarang kitab *Nathr al-Jawahir wa al-Durar fi Ulama al-Qarni al-Rabi'asyar* yang dicetak oleh Dar al-Ma'rifah Beirut pada tahun 1427H. Ustaz Muhammad Khayr Ramadan Yusuf dalam artikelnya dengan tajuk *Igharah Ustaz Jami' ala Kitab Tatimmah al-A'lam*, menyatakan pengarang tersebut mengambil daripada kitabku *Tatimmah al-A'lam li al-Zirkili* kebanyakan isi kitab bermula daripada 1396 H sehingga 1415 H tanpa mengisytarkan kepada sumber satu hurufpun dan teks.<sup>44</sup>

### **Nukilan Tanpa Disandarkan Kepada Penulis Asal**

Kitab *Sawanih wa Taamulat fi Qimat al-Zaman* merupakan kitab yang menggambarkan tidak amanah penulisnya. Kitab ini dinukil sepenuhnya daripada kitab Syeikh Abd al-Fattah Abu Ghuddah yang berjudul *Qimat al-Zaman 'inda al-'Ulama*. Syeikh Abd al-Fattah Abu Ghuddah pernah menyampaikan syarahan berkaitan tajuk ini pada tahun 1391H hasil daripada kajian dan penelitiannya terhadap pelbagai kitab tafsir, hadith, fiqh, tarikh, *rijal*, *tarajim*, *buldan*, *lughah*, *nahw*, *adab*, *akhlak* dan seumpamanya. Setelah itu lahir kitab-kitab lain yang tidak amanah dalam menyandarkan rujukan kepada kitab *Qimah al-Zaman*. Kitab *Sawanih* ini, kebanyakan maklumat dan teksnya dinukilkan daripada kitab Syeikh Abu Ghuddah, tidak sebut rujukannya, bahkan penulis menyebutkan rujukan yang dirujuk oleh Abu Ghuddah secara lansung seolah-olah beliau tidak mendapat faedah dan manfaat daripada kitab Syeikh Abu Ghuddah.<sup>45</sup>

### **Nukilan Tanpa Disandarkan Kepada Pentahqiq Asal**

Kitab *al-Dur al-Masun fi 'Ulum al-Kitab al-Maknun* oleh Ahmad bin Yusuf yang juga dikenali dengan *al-Samin al-Halabi* (756H) dicetak oleh Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah Beirut 1414H. Pada kulitnya ditulis *tahqiq* dan *ta'liq* Syeikh Ali Muhammad Mu'awwad, Syeikh Adil Ahmad, Abd al-Maujud, Dr Jad Makhluq Jad, Dr Zakariya Abd al-Majid manakala kata pengantarnya pula daripada Dr Ahmad Muhammad Sirah daripada Kuliah Usuluddin Universiti al-Azhar. Namun hakikatnya kitab tersebut telah *ditahqiq* dan diterbitkan sejak 20 tahun lalu oleh Dr Ahmad Muhammad al-Kharrat dengan dicetak sebanyak 9 juzuk oleh Dar al-Qalam Damsyik. Setelah disemak, Dr Ahmad Muhammad al-Kharrat mendapati *tahqiq* terbaru tahun 1414H telah mengambil hasil usahanya dalam 7 jilid yang sempat disemak tanpa disandarkan kepadanya. Mereka telah mengambil matan keseluruhannya dan *hasyiah* kitab.<sup>46</sup>

<sup>44</sup> Khadijah Fatimah Sayyid Mumtazal-Din hlm 241-242. Lihat juga Muhammad Khayr Ramadan Yusuf. *Igharah Ustaz Jami' I 'ala Kitab Tatimmah al-A'lam*. Lihat al-alukah

<sup>45</sup> Khadijah Fatimah Sayyid Mumtazal-Din hlm 245. Lihat juga *Muqaddimah al-Syaikh 'Abd al-Fattah Abi Ghuddah li kitabih Qimah al-Zaman 'inda al-'Ulama* hlm 14-15

<sup>46</sup> Ahmad Muhammad al-Kharat. *Salam 'ala al-Turath: Qiraat fi Awraq Fadiah 'ilmiyyah* j.11 al-Dur al-Masun fi 'Ulum al-Kitab al-maknun j.11 hlm 493 495

Amanah dalam kerja berpasukan juga seperti usaha pentahqiqan harus menyebut kesemua yang terlibat dalam pentahqiqan tersebut. Seperti kitab *al-Thiqat* oleh al-'Ijli dicetak pada tahun 1405H, satu jilid, pada tahun yang sama muncul kitab *Dalalil al-Nubuwwah* oleh Imam al-Baihaqi dalam 8 jilid. Tahun 1412H muncul kitab *Ma'rifat al-Sunan wa al-Athar* dalam 15 jilid. Selepas 2 tahun muncul kitab *al-Istizkar* oleh Ibn 'Abd al-Bar dalam 30 jilid. Adakah kesemua kitab-kitab yang disenaraikan ditahqiq pada masa yang sama. Adakah hanya seorang sahaja pentahqiq sebagaimana yang dinyatakan pada kulit kitab atau sebaliknya.

### Akibat Daripada Pengabaian Kepada Amanah Ilmiah

Pengabaian kepada amanah ilmiah di kalangan penuntut ilmu syarak membawa kepada kesan dan implikasi yang buruk kepada masyarakat. Ia pernah berlaku dalam kalangan sahabat apabila mereka tidak bertanya kepada yang lebih mengetahui sehingga menyebabkan kematian seorang sahabat lain.

Jabir RA pernah menyebutkan : Kami keluar dalam musafir lalu salah seorang daripada kami terkena batu sehingga mencederakan kepalanya kemudian lelaki tersebut bermimpi lalu dia bertanya sahabat-sahabatnya: adakah kamu dapati keringanan bagiku untuk bertayammum. Mereka menjawab: kami tidak menemui bagi engkau keringanan sedangkan engkau mampu menggunakan air. Kemudian lelaki tersebut mandi kemudian meninggal dunia. Setelah kami menemui nabi SAW, diberitakan kepada nabi perkara tersebut. Lalu nabi bersabda: Mereka membunuhnya, Allah membunuh mereka. Tidakkah mereka bertanya terlebih dahulu jika mereka tidak mengetahuinya. Sesungguhnya cukup baginya untuk bertayammum.....<sup>47</sup>

Pengabaian kepada amanah ilmiah juga pernah berlaku pada zaman periwayatan hadith bagaimana perawi hadith mengambil hadith perawi lain dan meletakkan sanad-sanad berbeza daripada sisi mereka supaya sanad kelihatan pelik sebagai galakan supaya orang lain turut mengambil hadith mereka. Perbuatan ini diingkari oleh para ulama kerana tidak amanah. Para ulama mendafikan mereka dan menamakan mereka sebagai pencuri hadith dan mengkategorikan mereka setaraf dengan pemalsu hadith dan dituduh berdusta.

Antara akibat daripada pengabaian kepada amanah ilmiah ialah :

1. Hilang kepercayaan terhadap ulama
2. Timbul kekeliruan di kalangan orang awam dengan anggapan setiap yang datang dari ilmuwan agama adalah benar
3. Penyelewengan syariat berdasarkan ayat 33 surah al-A'raf

قُلْ إِنَّمَا حَرَّمَ رَبِّيَ الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ وَالْإِثْمَ وَالْبَغْيَ بِغَيْرِ الْحَقِّ  
وَأَنْ تُشْرِكُوا بِاللَّهِ مَا لَمْ يُنَزَّلْ بِهِ سُلْطَانًا وَأَنْ تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ مَا لَا  
تَعْلَمُونَ (٣٣)

Maksudnya: Katakanlah: "Sesungguhnya Tuhanku hanya mengharamkan perbuatan-perbuatan yang keji, sama ada yang nyata atau yang tersembunyi; dan perbuatan dosa;

<sup>47</sup> Abu Daud. *Sunan Abu Daud*. Kitab al-Taharah. Bab fi al-Majruh yatayammamu no hadith 336. Al-Baihaqi. *Sunan al-Kubra*. No hadith 1016



dan perbuatan menceroboh dengan tidak ada alasan yang benar; dan (diharamkanNya) kamu mempersekutukan sesuatu dengan Allah sedang Allah tidak menurunkan sebarang bukti (yang membenarkannya); dan (diharamkanNya) kamu memperkatakan terhadap Allah sesuatu yang kamu tidak mengetahuinya.

4. Menyemai sifat-sifat buruk seperti dusta

## **Penutup**

Para ulama terdahulu sangat menekankan tentang aspek akhlak dalam menuntut ilmu syarak. Selain menguasai pelbagai bidang ilmu Islam, ulama terdahulu terkenal dengan akhlak dan adab yang mulia dalam berinteraksi dengan ilmu syarak. Amanah ilmiah merupakan nilai akhlak yang semakin luntur di kalangan ilmuan pada masa kini. Kecelaruhan yang berlaku dalam kalangan segelintir ilmuan salah satunya berpunca daripada pengabaian kepada amanah ilmiah. Justeru bagi mencapai kegemilangan ilmu seperti generasi tiga kurun yang pertama ialah dengan menjaga aspek amanah ilmiah yang antaranya melibatkan amanah dalam menuntut ilmu, amanah dalam menukilkan ilmu dan amanah dalam menyampaikan ilmu.